

05 SEP 1997

JUALAN PENDEK MASIH DILARANG, KATA BSKL

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Kegiatan pengaturan jualan pendek dan pinjaman serta pemberian pinjaman sekuriti masih dilarang sehingga arahan seterusnya dikeluarkan, kata Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) hari ini.

Arahan penandaan 100 saham komponen Indeks Komposit BSKL bagaimanapun akan ditarik balik berkuat kuasa pada 9.30 pagi. 5 September, 1997, menurut bursa tempatan itu.

Ia bermakna sekuriti syarikat-syarikat terbabit akan diniagakan di atas "asas-asas sedia" dengan penghantaran dan penjelasan di atas T+5 selaras dengan peraturan bursa saham itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad malam tadi mengumumkan perubahan-perubahan itu, apabila langkah-langkah berkenaan yang hanya diperkenalkan baru-baru ini telah berjaya mengekang manipulasi saham dan kegiatan jualan pendek.

(jualan pendek atau jualan jangka turun merujuk kepada tindakan yang diambil oleh seseorang pespekulasi yang menjual saham yang tidak dimilikinya (selalunya dengan meminjam daripada inventori broker) dengan beranggapan bahawa saham tersebut akan jatuh harganya beberapa hari kemudian, dan pada hari tersebut akan dibelinya balik saham tersebut dengan harga yang murah dan seterusnya akan memulangkan balik saham itu kepada broker).

Pada 27 Ogos, BSKL mengisytiharkan 100 saham mewah akan ditetapkan dan berkuatkuasa pada keesokan harinya di mana ia akan dihadkan kepada "serahan sebelum jualan" atas arahan Perdana Menteri.

Dengan penarikan semula arahan itu, sistem penjelasan T+5 (urus niaga tambah lima hari pasaran) akan dilaksanakan di bawah di mana serahan dan pembayaran akan memberi kesan kepada urusan jualan dan belian. -- BERNAMA

MR ZK/sia